

Pemuda UMNO minta maaf keterlanjuran' di Terengganu

UM - 8 DEC 1999
Oleh
MARHAINI KAMARUDDIN

KUALA LUMPUR 7 Dis. — Pergerakan Pemuda UMNO meminta maaf atas keterlanjuran meminta pemimpin veteran Terengganu mengundur diri ekoran kekalahan besar calon Barisan Nasional (BN) di negeri itu pada pilihan raya umum lalu, tetapi bertegas tidak akan menarik balik pendirian tersebut.

Pemangku ketuanya, Datuk Hishammuddin Tun Hussein mengakui mungkin pendekatan yang digunakan oleh Pemuda UMNO Terengganu ketika menyuarakan pendirian itu agak kasar dan menyinggung perasaan mereka yang terlibat.

Bagaimanapun, jelasnya, pendirian yang terkandung dalam resolusi tiga perkara tersebut dikemukakan dengan niat ikhlas untuk memperkukuhkan kedudukan UMNO dan BN di negeri itu.

"Tidak dinafikan darah muda yang cepat mendidih dan kecewa telah menyebabkan mereka membuat beberapa pendirian selepas keputusan pilihan raya diumumkan.

"Tetapi saya difahamkan apa jua pendirian dan kenyataan Pemuda UMNO Terengganu dibuat dengan niat ikhlas dan hasrat murni," katanya pada sidang akhbar selepas mengada-

meminta agar tidak dipersalahkan seorang atas kekalahan BN itu.

Namun dalam kenyataan terbarunya kelmarin, Wan Mokhtar mengaku pula bertanggungjawab atas kekalahan besar BN di Terengganu.

Hishammuddin berkata, Abdul Rahin dan kepimpinan Pemuda negeri akan berjumpa dengan Wan Mokhtar dalam waktu terdekat ini untuk menengahkan hasil perbincangan hari ini.

Beliau menegaskan perkara itu bukan sahaja dibangkitkan oleh Pemuda UMNO Terengganu tetapi beberapa pihak lain termasuk akhbar yang menyentuh mengenai isu tersebut dalam artikel-artikelnya.

kan perbincangan dengan Bahagian Perhubungan Pemuda UMNO Terengganu di sini hari ini.

Pertemuan itu dihadiri Ketua Pemuda UMNO Terengganu yang juga Ketua Pemuda Bahagian Kuala Nerus, Abdul Rahin Mohd. Said dan Ketua Pemuda Bahagian Kemaman, Dr. Ramli Taib serta beberapa anggota Exco pergerakan itu.

Rabu lalu, Abdul Rahin yang gagal mempertahankan kerusi Parlimen Kuala Nerus setelah tewas kepada calon muka baru Pas, menggariskan resolusi tiga perkara yang antara lain menyatakan pendirian Pemuda UMNO Terengganu meminta kepimpinan veteran UMNO negeri mengundur diri.

Resolusi berkenaan meletakkan faktor kepimpinan veteran antara punca pengundi menolak calon UMNO dan BN pada pilihan raya umum yang baru lalu.

Bagaimanapun, Abdul Rahin pada masa itu enggan menamakan pemimpin veteran terbabit.

Ekoran resolusi Pemuda UMNO Terengganu itu, bekas Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad telah mengeluarkan kenyataan

Saluran

Abdul Rahin yang ditanya sama ada akan menarik balik memorandum mengandungi resolusi berkenaan yang sebelum ini dijadual diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, mendakwa perkara itu telah pun diselesaikan secara baik.

Hishammud menjelaskan, mesyuarat hari ini bersetuju akan menggunakan saluran-saluran tertentu termasuk mengadakan perjumpaan dengan Wan Mokhtar bagi menyelesaikan isu berkenaan.

Ditanya sama ada perkembangan terbaru itu bermakna pergerakan itu di peringkat Pusat dan negeri bersetuju Wan Mokhtar terus menerajui Terengganu, kata Hishammuddin:

"Sepanjang pengetahuan saya, kita tidak membuat keputusan (mengenai perkara itu) di sini. Bedah siasat hanya akan dibuat melibatkan bahagian Pemuda semua negeri.

"Saya yakin pucuk pimpinan akan mengambil maklum balas (daripada pendirian Pemuda) ini dan membuat keputusan sewajarnya," ujar beliau.